

02 AUG 2002

LID-Program/I

DIALOG GLOBAL 2002 MASUK HARI KEDUA DENGAN TUMPUAN PADA ISU TERPILIH

Oleh: Mohd Faizal Zakariah

LANGKAWI, 2 Ogos (Bernama) -- Dialog Antarabangsa Langkawi Global 2002 (Dialog 2002) memasuki hari kedua hari ini dengan sesi dialog dan rundingan meja bulat membabitkan isu keselamatan antarabangsa, budaya, transisi kewangan dan ekonomi.

Gabenor Bank Negara Malaysia Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz menjadi pencelah dalam forum dialog mengenai isu mengurangkan transaksi kewangan yang tidak stabil dalam sistem kewangan antarabangsa.

Pencelah berperanan merangsang perbincangan berasaskan pendapat yang dikemukakan oleh kumpulan pemikir dalam sesi meja bulat itu

Forum itu merupakan sesi yang perlu dan mesti dalam dialog dan rundingan meja bulat ini yang turut membabitkan sesi dialog meja bulat interaktif dan forum dialog mengenai maklum balas.

Terdapat tiga sesi serentak lain dalam forum dialog iaitu mengenai isu membentuk keselamatan antarabangsa dalam dunia unipolar, memahami budaya untuk komunikasi yang lebih baik dan transisi pengurusan dalam pembangunan ekonomi.

Sesi dialog dan rundingan meja bulat yang berlangsung selama lima jam itu berakhir pada pukul 12.15 tengah hari.

Selepas makan tengah hari, berlangsung sesi Rumah Terbuka Perkongsian Pintar dengan para peserta berkongsi pengalaman dan tanggapan mereka mengenai Global 2002.

Malaysia akan berkongsi pengalamannya dalam pengurusan teknologi dan perkongsian pintar. Peserta lain termasuklah Uganda, Tanzania, Swaziland, Trinidad dan Tobago.

Sesi Rumah Terbuka Perkongsian Pintar akan dijalankan dari pukul 1.00 tengah hari hingga 3 petang.

Antara pukul 3.00 petang dan 4.30 petang pula berlangsung sesi selari mengenai Isu dan Hubungan Khusus Perkongsian Pintar, masing-masing mengenai "Mendapatkan Yang Terbaik Daripada Dialog-dialog Perkongsian Pintar" dan Isu-isu dan Tindakan".

Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, akan menjadi moderator sesi perbincangan mengenai isu hubungan sosial manakala Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Amar Leo Moggie pula menjadi moderator bagi Hubungan Politik/Kakitangan Awam.

Ketua Eksekutif Telekom Malaysia Bhd Datuk Dr Mohd Khir Abdul Rahman akan menjadi moderator Hubungan Perniagaan/Buruh manakala Pengerusi Eksekutif Utusan Melayu (Malaysia) Bhd Tan Sri Kamarul Ariffin menjadi moderator pada Hubungan Media/Budaya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi moderator sesi khas membabitkan Ketua Negara/Kerajaan Perkongsian Komanwel bagi Pengurusan Teknologi (CPTM).

Dialog Perkongsian Pintar Global 2002 hari kedua ini diakhiri dengan sesi soal jawab antara ketua-ketua negara/kerajaan dan media.

Pengerusi Technology Resources Industries Bhd Datuk Munir Majid menjadi fasilitator sesi itu.

-- BERNAMA

MFZ SHY TS LAT